

## **Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal**

Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud

faten\_shahirah@yahoo.com, mdradina@unimas.my, zaid\_daud93@yahoo.com  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji bidang fonologi khususnya dalam mengenal pasti jenis-jenis fonem vokal yang berlaku dalam dialek Kelantan bagi subdialek Pasir Mas. Subdialek Pasir Mas dipilih sebagai kawasan kajian kerana subdialek ini merupakan salah satu daripada dialek yang sangat terkenal yang dituturkan di Kelantan. Untuk mencapai objektif ini, data dikumpul dengan menggunakan kaedah kualitatif dimana kajian ini telah menggunakan kaedah temu bual dengan menggunakan senarai kata yang disediakan mengikut domain-domain tertentu melalui senarai swadesh yang telah diubah suai dan memfokuskan kepada budaya benda sahaja. Temu bual ini melibatkan dua orang responden yang berlainan jantina dan merupakan penutur jati dialek Kelantan Pasir Mas dimana mereka tidak pernah bermigrasi ke luar negeri. Hasil kajian memperlihatkan bahawa dalam subdialek Pasir Mas, secara keseluruhannya jenis fonem dan jumlah fonem vokal yang wujud ialah 7 sahaja iaitu [a, e, i, o, u, ə, ɔ].

**Kata kunci:** asas fonologi; fonem vokal; dialek Melayu Kelantan; subdialek Melayu Kelantan

### ***A PRELIMINARY STUDY OF KELANTAN MALAY DIALECT (SUBDIALECT OF PASIR MAS, KELANTAN): VOCAL PHONEMES***

### **ABSTRACT**

*This study was carried out to study the field of phonology, especially in the vocal phonemes that occurs in the Kelantanese subdialect of Pasir Mas. The subdialect of Pasir Mas was chosen as the location of study because it is one of the most popular dialects in Kelantan. To achieve the research objectives, data was compiled using qualitative methods via interviews and the usage of a word list that included specific domains of the swadesh list which was modified to focus on aspects of material culture. The interview involves 2 respondents of different genders and are native speakers of the Pasir Mas dialect who have never migrated to foreign countries. The findings of this study shows that the subdialect of Pasir Mas has a total of 7 existing vowels [a, e, i, o, u, ə, ɔ] as a whole.*

**Keywords:** *phonological basic; vocal phonemes; Kelantan Malay dialect; subdialect of Pasir Mas*

## PENGENALAN

Fonologi merupakan satu bidang kajian terhadap bunyi-bunyi bahasa. Hal ini bermaksud, bidang fonologi menentukan sistem bunyi satu-satu bahasa dengan berdasarkan jenis-jenis bunyi sama ada bunyi itu distingtif atau tidak distingtif. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti fonem vokal yang digunakan dalam dialek Kelantan khususnya di daerah Pasir Mas. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Adi Yasran dan Nurliayana dalam kajian perbandingan Inventori vokal dialek Kelantan dan Negeri Sembilan (2016), mereka menyatakan bahawa kajian lalu yang mengkaji fonologi seperti Hashim Musa (1974) dan Nik Safiah Karim (1988) menyatakan bahawa terdapat lapan vokal dalam dialek Kelantan, manakala menurut Adi Yasran dan Nurliayana (2016) dalam kajian mereka yang dilakukan dengan menggunakan kaedah perpustakaan, tinjauan deskriptif, temu bual dan rakaman telah menyatakan bahawa terdapat enam sahaja fonem vokal dan satu fonem vokal terbitan dalam dialek Kelantan. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk melihat adakah penggunaan fonem vokal dalam dialek Kelantan di daerah Pasir Mas sama dengan pernyataan daripada pengkaji-pengkaji yang lepas iaitu terdapat tujuh fonem vokal keseluruhannya.

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa dialek Kelantan sememangnya mempunyai perbezaan yang sangat ketara dengan bahasa Melayu Standard dari segi penggunaan fonem vokal, fonem konsonan, leksikal, perbezaan bentuk, tatabahasa dan sebagainya. Sebagai penutur jati dialek Kelantan, yang sememangnya menggunakan dialek Kelantan dalam aktiviti komunikasi setiap hari dan juga menggunakan bahasa Melayu Standard ikut konteks situasi, pengkaji dapat menilai sendiri sejauh mana perbezaan yang wujud antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu Standard. Dalam kajian ini iaitu mengenal pasti fonem vokal dengan itu pengkaji dapat membuat kesimpulan yang tepat bahawa dialek Kelantan dikatakan mempunyai perbezaan dengan dialek lain dan bahasa Melayu Standard adalah kerana jumlah keseluruhan fonem vokal yang berbeza.

Kajian ini dilakukan terhadap subdialek Pasir Mas kerana pengkaji merasakan bahawa subdialek-subdialek yang wujud di negeri Kelantan juga mempunyai perbezaannya dari segi sebutan dan bilangan sebenar tentang jumlah fonem fonem vokal dan fonem konsonan. Secara keseluruhannya, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- a) Terdapat 7 fonem vokal dalam dialek Kelantan subdialek Pasir Mas berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang banyak melakukan kajian terhadap dialek Kelantan. Antara fonem-fonem tersebut ialah [a, e, i, o, u, ə, ɔ].

Oleh itu, diharapkan agar pendokumentasian bahasa dan dialek-dialek Melayu yang wujud di negara ini khususnya bagi dialek Kelantan sendiri diharapkan agar dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan kepada para pengkaji yang akan datang, pengkaji dan ahli-ahli linguistik untuk mengukuhkan lagi penemuan-penemuan terkini dalam kajian masing-masing. Pelbagai perbezaan aplikasi kaedah dan teori yang berbeza amatlah digalakkan agar hasil kajian yang diperoleh dapat dibandingkan untuk mencari ciri yang sebenar dalam dialek Kelantan khususnya bagi subdialek Pasir Mas.

## TINJAUAN LITERATUR

Adi Yasran Abdul Aziz (2005) dalam kajian beliau Inventori konsonan dialek Melayu Kelantan: satu penilaian semula telah menyatakan bahawa ramai di kalangan ahli fonologi khususnya penahu Optimaliti (teori linguistik terkini) yang mengkaji bahasa-bahasa dan dialek-dialek di serata dunia begitu berminat mengkaji dialek Kelantan yang terkenal dengan keunikannya. Antaranya ialah Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud (2018), de Lacy (2002), Peter (1999), Lombardi (2001), McCarthy (2002) Kager (1999), dan Lee (2003). Kajian mereka sedikit sebanyak berjaya menjelaskan dan memperbaiki analisis sebelumnya yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik terdahulu seperti Clements dan Hume (1995), Farid (1980), Teoh (1994), Trigo (1988, 1991), dan Halle (1995). Walau bagaimanapun kebanyakan kajian mereka menurut Adi Yasran terbatas kepada aspek-aspek fonologi tertentu sahaja, dan penggunaan data yang agak terhad telah menyebabkan dapatan kajian mereka kurang tepat.

Nurliayana Zainal Abidin dan Adi Yasran Abdul Aziz (2016) dalam kajian mereka iaitu perbandingan Inventori vokal dialek Kelantan dan Negeri Sembilan telah memfokuskan kepada perbandingan inventori vokal antara dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. Kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada kajian salah satu dialek sahaja tanpa membuat perbandingan. Oleh itu, teori fonologi generatif telah diguna pakai dalam kajian ini serta kajian ini dilakukan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan inventori kedua-dua dialek yang dikaji yang dilihat dari segi fitur distingtif dan penyebaran kedudukan vokal-vokal tersebut. Dalam menjalankan kajian ini, mereka menggunakan kaedah pemerhatian deskriptif dan kajian kepustakaan bagi mengenal pasti sistem bunyi vokal bagi kedua-dua dialek.

Menurut Nurliayana dan Adi Yasran, Inventori vokal merujuk kepada senarai vokal yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Maksud inventori vokal ini boleh dijelaskan sebagai aspek serta sifat dalaman yang diterbitkan daripada setiap fonem vokal yang wujud dalam bahasa. Antara aspek dalaman yang diterbitkan fonem ini ialah berdasarkan fitur distingtifnya serta penyebaran fonem-fonem tersebut. Fonem-fonem berbeza antara satu sama lain berdasarkan fitur distingtifnya, iaitu unit terkecil nahu yang membezakan makna. Kajian lepas telah mendapati bahawa pengkaji yang mengkaji fonologi menggunakan pendekatan struktural seperti Hashim Musa (1974) dan Nik Safiah (1988) mengatakan bahawa terdapat enam fonem vokal bagi dialek Kelantan (DK). Objektif kajian Nik Safiah (1988) ialah menentukan vokal-vokal dalam dialek Kelantan (DK) dan meninjau pemakaian dan penyebarannya manakala Hashim Musa (1974) juga mengkaji morfemik dialek Melayu Kelantan.

Kajian ini menggunakan teknik kerangka teoritis yang mana penganalisan datanya berdasarkan teori fonologi generatif atau dikenali juga sebagai teori linear. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan, tinjauan deskriptif, temu bual dan juga rakaman manakala bahan kajian untuk kajian ini pula ialah senarai kata daripada data sekunder. Temu bual dan rakaman pula dilakukan bersama 20 responden iaitu 10 responden daripada penutur natif dialek Kelantan dan 10 lagi daripada penutur natif dialek Negeri Sembilan. Hasil kajian memperlihatkan bahawa pendapat inventori vokal bagi dialek Kelantan (DK) adalah sama daripada pengkaji struktural dan juga pengkaji fonologi iaitu mempunyai enam vokal yang terdiri daripada /i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ /a/. Namun, terdapat percanggahan pendapat tentang jumlah vokal dialek Negeri Sembilan (DNS). Pengkaji struktural berpendapat hanya ada lima vokal dalam dialek itu iaitu vokal /ə/ tidak wujud dalam dialek Negeri Sembilan (DNS) manakala kajian dari aspek fonologi ini berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman dalam perkataan dialek Negeri Sembilan (DNS). Kesimpulannya, vokal pepet /ə/ adalah fonem dan vokal pepet /ə/ ini wujud dalam dialek Kelantan (DK) dan dialek Negeri Sembilan (DNS). Walaupun kebanyakan ahli tatabahasa struktural berpendapat vokal /ə/ tidak wujud dalam DNS namun ahli fonologi generatif mempunyai pandangan yang berbeza dan berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman DNS kerana menepati kriteria kebolehamalan dalam menentukan representasi dalaman. Berdasarkan perbezaan pendapat antara pengkaji-pengkaji di atas, kajian ini akan dilakukan untuk meneliti adakah wujud vokal pepet /ə/ dalam subdialek Pasir Mas dan jumlah sebenar fonem vokal tersebut berdasarkan kajian yang dilakukan ini.

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Shariffulizan Malek (2011) dalam kajian mereka iaitu Fonologi rangkap vokal dan kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis teori Optimaliti telah membincangkan tentang perilaku fonologi rangkap vokal dalam empat kumpulan dialek Melayu iaitu dialek Johor, dialek Kedah, dialek Perak dan dialek Kelantan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan data kajian dari data sekunder yang dipetik dari kajian Asmah Haji Omar (1985), Raja Mukhtaruddin (1986), Ajid Che Kob (1984) dan Teoh Boon Seong (1994). Berdasarkan hasil kajian ini, mereka mendapati bahawa kesemua dialek ini secara umumnya tidak membenarkan kehadiran rangkap vokal di peringkat permulaan kerana ini melibatkan pengingkar onsets. Manakala dari sudut pendekatan rumus, rangkap vokal di peringkat dalaman akan ditangani melalui proses fonologi, seperti diftongisasi, ambisilabifikasi, pelepasan vokal dan pengguguran vokal. Walau bagaimanapun, dalam menjalankan kajian ini, pengkaji tidak meneliti tentang rangkap vokal, pelepasan vokal dan sebagainya, namun pengkaji akan mengenal pasti jenis konsonan yang digugurkan dalam subdialek Pasir Mas. Berdasarkan pembacaan terhadap kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini sedikit sebanyak telah menerangkan tentang fonem vokal yang digugurkan dalam kajian ini.

Secara kesimpulannya, Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi (2016) dalam buku mereka iaitu Bahasa Melayu Kelantan: Menggali ilmu menyusur warisan telah menyatakan bahawa perbezaan dalam sistem sesuatu sebutan telah membawa perbezaan dalam cara kita menghasilkan sesuatu sebutan dan juga perkataan tertentu, yang akan membezakan dialek ini dengan dialek- dialek yang lain yang masih banyak lagi di negara ini. Walau bagaimanapun, dalam menjalankan kajian ini, pengkaji tidak meneliti tentang rangkap vokal, peleburan vokal dan sebagainya, namun pengkaji akan mengenal pasti jenis fonem vokal yang dalam subdialek Pasir Mas sahaja. Berdasarkan pembacaan terhadap kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini sedikit sebanyak telah menerangkan tentang fonem vokal yang digugurkan dalam kajian ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data ialah, pengkaji telah menggunakan kajian lapangan yang menggunakan kaedah senarai kata yang disediakan mengikut domain-domain tertentu melalui senarai swadesh yang telah diubah suai kepada budaya benda (rujuk Lampiran 1). Kaedah budaya benda ialah cara mendapatkan data dengan menghuraikan sesuatu benda dengan terperinci dan sebagainya. Namun setiap nama benda tersebut akan diletakkan dalam domain-domain yang tertentu iaitu domain buah-buahan, domain anggota badan, domain binatang, domain alatan dapur, domain perabot, domain alatan pertukangan, dan domain kenderaan supaya memudahkan pengkaji untuk menganalisis data. Manakala, pemilihan responden pula pengkaji menggunakan dua orang responden (rujuk Lampiran 2) yang merupakan penutur jati dialek Kelantan menggunakan. Pengkaji akan meminta kebenaran daripada responden untuk merakam temu bual yang bakal dijalankan sebelum rakaman dibuat. Setelah mendapat kebenaran daripada responden, pengkaji menjelaskan tentang tujuan kajian pengkaji kepada responden.

Selain itu, pengkaji juga akan menjelaskan bagaimana temu bual ini bakal dijalankan. Pengkaji menggunakan dialek Kelantan sepanjang temu bual kerana ia akan memudahkan komunikasi pengkaji dengan responden. Selain itu, ia juga akan membantu responden supaya lebih mudah memahami konteks perkataan dan perbualan yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Dipilih mengikut kriteria standard berdasarkan rumus NORF (bagi responden wanita) dan NORM (bagi responden lelaki) iaitu (1) responden mestilah penduduk asli di kawasan tersebut; (2) mobiliti rendah iaitu responden tidak sering keluar dari tempat asalnya; (3) responden mestilah berumur 40 ke 60 tahun dan ke atas; (4) sihat jasmani dan rohani, termasuklah alat pendengarannya; (5) asal usul responden harus diusahakan dari tempat yang diteliti; (6) kemampuan responden mengenai bahasa dan dialeknya dengan baik; (7) dan responden juga mestilah lahir dan membesar di tempat kelahiran mereka. Setelah proses mengutip data selesai, data-data yang telah dicatat oleh pengkaji dan juga rakaman tersebut akan dianalisis oleh pengkaji. Langkah yang pertama adalah dengan melihat objektif yang telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu penggunaan fonem vokal yang terdapat dalam subdialek Pasir Mas. Senarai kata tersebut akan dianalisis dengan mengasingkan setiap fonem vokal yang terdapat dalam data-data tersebut, dan pengkaji akan mendengar semula rakaman responden dua ke tiga kali untuk mendapatkan kepastian setiap bunyi perkataan yang disebut itu, dan transkripsi fonetik akan dilakukan.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Menurut Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar (2006) dalam buku mereka iaitu Fonetik dan Fonologi, mereka menjelaskan bahawa bunyi vokal dikenal pasti sebagai bunyi yang dihasilkan dengan tidak melibatkan sebarang sekatan terhadap pengaliran udara, dan bunyi vokal juga adalah bunyi bersuara. Klasifikasi sesuatu bunyi vokal itu dapat ditentukan oleh kedudukan lidah dan juga bentuk bibir. Proses ini melibatkan rongga mulut sewaktu kita melafazkannya. Manakala bentuk bibir dan saiz rongga mulut ini ditentukan sama ada bunyi vokal yang dilafazkan itu dalam keadaan terbuka, separuh terbuka, separuh sempit ataupun luas. Selain itu, kedudukan lidah semasa melafaz dan pembukaan bibir menentukan sama ada bunyi vokal yang dilafazkan tersebut adalah vokal depan, belakang atau tengah. Secara ringkasnya pelabelan nama vokal ditentukan oleh kedudukan lidah, iaitu depan, belakang atau tengah. Bentuk bibir dan saiz rongga mulut pula akan menentukan jenis vokal.

Bagi memudahkan gambaran tentang kedudukan bunyi-bunyi vokal ini, diagram vokal kardinal dapat digunakan dalam menunjukkan fonem vokal dalam dialek Kelantan.



Rajah 1: Vokal dalam Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas)

### JENIS-JENIS FONEM VOKAL DIALEK MELAYU KELANTAN SUBDIALEK PASIR MAS

Menurut Adi Yasran (2010) dalam kajian beliau Inventori vokal dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula telah menjelaskan bahawa fonem vokal yang wujud dalam dialek Kelantan hanya mempunyai tujuh fonem vokal sahaja, iaitu [a, e, i, o, u, ə, ɔ], manakala Asmah Omar (2008) pula telah menjalankan kajian terhadap subdialek di Kota Bharu telah menyatakan bahawa terdapat lapan fonem vokal iaitu [i, u, e, ê, ë, a, o, ô]. Perbezaan pandangan tentang bilangan fonem vokal ini mungkin wujud akibat perbezaan cara menganalisis data dimana Adi Yasran (2010) dan Asmah Omar (2008) telah menggunakan pendekatan fonologi generatif dalam menjalankan kajian mereka, namun data-data yang mereka perolehi adalah dari sumber yang berbeza-beza yakni Asmah Omar telah menjalankan kajian lapangan di Kota Bharu, namun Adi Yasran pula telah menggunakan data dari sumber sekunder yang diperolehi daripada kajian kepustakaan.

Berdasarkan kajian daripada Adi Yasran (2010), daripada ciri fonologi generatif, inventori vokal lazimnya disusun berdasarkan posisi lidah di dalam rongga oral, iaitu tinggi, tengah (di antara tinggi dan rendah), dan rendah yang disusun secara menegak, manakala depan, tengah (di antara depan dan belakang), dan belakang disusun melintang seperti di bawah.

Jadual 2. Fonem vokal DK (subdialek Pasir Mas)

	Depan	Tengah	Belakang
Sempit	i		u
Separuh Sempit	e		o
		ə	
Separuh Luas			ɔ
Luas	a		

Rajah di atas merupakan fonem vokal menurut pandangan pengkaji lepas, namun dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan pandangan berikut sebagai panduan dan rujukan dalam menyiapkan kajian ini. Hasil kajian akan memperlihatkan tentang perbezaan yang wujud antara bilangan fonem vokal yang ditemui oleh pengkaji sendiri berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap subdialek Pasir Mas dengan kajian-kajian lepas. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dan akan diterjemahkan dalam kajian ini.

Untuk menjawab objektif yang pertama iaitu untuk mengenal pasti fonem vokal dalam subdialek Pasir Mas, berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa jumlah keseluruhan fonem vokal yang wujud dalam subdialek Pasir Mas Kelantan adalah sebanyak tujuh vokal iaitu [a, e, i, o, u, ə, ɔ]. Jumlah ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Adi Yasran

(2010) dalam kajian yang dilakukan oleh beliau. Hal ini dapat dibuktikan dengan analisis seperti berikut:

Jadual 3. Data fonem vokal (subdialek Pasir Mas)

Vokal depan luas [a]	Vokal depan separuh sempit [e]	Vokal depan sempit [i]	Vokal belakang separuh sempit [o]	Vokal belakang sempit [u]	Vokal tengah [ə]	vokal belakang separuh sempit [ɔ]
[kambe]	[pise]	[limã]	[mãto]	[ula]	[ləmbu]	[epɔ]
[bata]	[epɔ]	[iduŋ]	[mũko]	[paku]	[ɔʎə]	[kɔli]
[paga]	[taŋẽ]			[tuko]		[skɔloh]

Berdasarkan jadual 3 tersebut, pengkaji dapat simpulkan bahawa dalam subdialek Pasir Mas, terdapat tujuh fonem vokal yang diperoleh berdasarkan kutipan data bersama responden. Berikut merupakan setiap huraian berdasarkan data yang diperoleh hasil dari temu bual pengkaji bersama responden.

### FONEM VOKAL DEPAN SEMPIIT [i]

Vokal ini dihasilkan apabila bahagian hujung lidah diletakkan pada titik yang paling tinggi di bahagian depan mulut. Lelangit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa lafaz bunyi ini bibir berada dalam keadaan terhampar. Kedudukan lidah ini berada pada kedudukan yang paling tinggi dalam rongga mulut. Daripada hasil data yang diperoleh, banyak fonem vokal [i] yang wujud dalam subdialek Pasir Mas, antaranya ialah [limã] yang bermaksud ‘buah limau’ dalam bahasa Melayu Standard. Kedudukan fonem tersebut sama dengan bahasa Melayu Standard iaitu berada disamping fonem konsonan. Selain itu, fonem ini juga boleh berada di awal kata dan akhir kata, contohnya [iduŋ] yang bermaksud ‘hidung’ dan [kɔli] yang membawa maksud ‘kuali’. Kedudukan fonem ini boleh berada di awal kata kerana kata ‘hidung’ telah mengalami pengguguran konsonan frikatif [h] diawal kata. Manakala perkataan ‘kuali’ dalam dialek Kelantan telah mengalami pengguguran fonem vokal [u] dan [a] yang akhirnya digantikan dengan fonem vokal [ɔ] dan berubah menjadi [kɔli] dalam dialek Kelantan dan menjadikan fonem vokal [i] berada di kedudukan akhir kata.

### FONEM VOKAL DEPAN SEPARUH SEMPIIT [e]

Vokal ini dihasilkan dengan bahagian depan lidah agak ke bawah sedikit, iaitu sepertiga daripada tinggi lidah semasa melafazkan bunyi [i]. Lelangit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa lafaz bunyi ini bibir berada dalam keadaan terhampar. Pembukaan bibir semasa melafazkan bunyi ini agak sederhana. Antara contoh kata dalam subdialek Pasir Mas yang mempunyai fonem vokal [e] ialah [pise], [epɔ] dan [taŋẽ] yang membawa maksud ‘buah pisang’, ‘buah epal’ dan juga ‘tangan’ dalam bahasa Melayu Standard. Seperti juga untuk fonem vokal depan luas [a], fonem vokal separuh sempit [e] ini wujud dalam kata-kata subdialek Pasir Mas adalah kerana kebanyakan kata mengalami pengguguran konsonan di akhir kata.

### FONEM VOKAL DEPAN LUAS [a]

Vokal ini dihasilkan dengan depan lidah diturunkan ke titik yang paling bawah dalam rongga mulut. Puncak dari depan lidah tertarik ke belakang sedikit. Lelangit lembut pula akan diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa lafaz bunyi ini, bibir berada dalam keadaan terhampar. Dalam subdialek Pasir Mas, antara contoh penggunaan vokal [a] ialah [kambe] yang bermaksud kambing di dalam bahasa Melayu Standard. Beban tugas untuk fonem vokal depan luas adalah lengkap kerana fonem ini boleh berada di

awal kata, ditengah kata dan juga akhir kata. Selain itu, fonem ini juga boleh wujud diakhir kata iaitu [bata] dan [paga] yang masing-masing bermaksud ‘bantal’ dan ‘pagar’ dalam bahasa Melayu Standard. Sebab kenapa fonem vokal [a] ini boleh berada di akhir kata kerana dalam dialek Kelantan banyak mengalami pengguguran konsonan di akhir kata yang menyebabkan fonem vokal banyak mengakhiri setiap kata dalam dialek Kelantan terutamanya untuk subdialek Pasir Mas.

### **FONEM VOKAL TENGAH [ə]**

Vokal ini dikenal pasti sebagai vokal tengah yang telah dihasilkan dengan meletakkan lidah pada lantai rongga mulut, bibir terbuka tetapi tidak luas. Manakala proses udara pula keluar melalui rongga mulut yang menghasilkan bunyi vokal [ə]. Antara contoh kata yang pengkaji dapat dalam kajian ini ialah [ləmbu] dan [ɔŋə] yang membawa maksud lembu dan juga orang.

### **FONEM VOKAL SEMPIT [u]**

Dalam meneliti fonem vokal belakang sempit [u] yang wujud dalam dialek Kelantan khususnya di Pasir Mas, pengkaji akan meneliti kata-kata daripada data dalam menghuraikan lebih lanjut berkenaan dengan fonem tersebut. Berdasarkan data, kata yang mempunyai fonem vokal [u] ialah [ula], [paku] dan [tuko] yang masing-masing membawa maksud ‘ular’, ‘paku’ dan ‘tukul’ dalam bahasa Melayu Standard. Untuk perkataan [ula], [tuko] dan [paku], kedudukan fonem [u] adalah sama dengan bahasa Melayu Standard namun perkataan [tuko] sahaja yang mengalami pengguguran fonem konsonan literal [l] dalam kata tersebut. Berdasarkan data yang diperoleh dari kajian Adi Yasran (2005), antara persamaan yang wujud antara konsonan likuida ini, contohnya perkataan ‘kapal’, konsonan /l/ ini akan digugurkan pada kedudukan koda suku kata dalam dialek Kelantan kerana ia perlu mematuhi satu kekangan yang dinamakan syarat koda (*coda condition*) dan berubah menjadi [kapa].

### **FONEM VOKAL BELAKANG SEPARUH SEMPIT [o]**

Dalam meneliti fonem yang seterusnya, kebanyakan fonem yang wujud dalam dialek Kelantan berlaku akibat daripada proses pengguguran konsonan yang dilakukan oleh penutur di negeri Kelantan. Hal ini dapat dibuktikan dengan contoh-contoh yang diberikan di atas seperti perubahan kedudukan fonem vokal yang berlaku. Seterusnya pengkaji akan membincangkan tentang fonem vokal belakang separuh sempit [o] yang wujud dalam dialek Kelantan. Vokal ini dihasilkan dengan belakang lidah diturunkan sedikit daripada titik yang paling tinggi semasa melafazkan bunyi [u]. Lelangit lembut pula diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa lafaz bunyi ini bibir berada dalam keadaan bundar. Berdasarkan data yang diperoleh daripada responden, kata yang mempunyai fonem vokal belakang separuh sempit [o] ialah [mãto] yang bermaksud ‘mata’ dan juga [mũko] yang bermaksud ‘muka’ dalam bahasa Melayu Standard. Daripada kedua kata di atas, kebanyakan kata tersebut mengalami perubahan diakhir kata dimana dalam bahasa Melayu Standard, setiap perkataan tersebut diakhiri dengan fonem vokal [a], namun dalam dialek Kelantan, kebanyakan kata akan diubah kepada fonem vokal belakang separuh sempit [o] seperti kata [mãto] dan [mũko]. Berdasarkan data yang diberikan oleh Adi Yasran (2010) dalam kajian beliau iaitu Inventori vokal dialek Melayu Kelantan: satu penilaian semula turut memberikan contoh bagi fonem konsonan [o] yang wujud dalam dialek Kelantan, iaitu perkataan ‘sibuk’ telah berubah kepada [sibo?]. Contoh yang diberikan oleh Adi Yasran mempunyai persamaan dengan pengkaji, iaitu fonem [a] dalam bahasa Melayu Standard akan berubah kepada fonem [o] dalam dialek Kelantan.

### **FONEM VOKAL SEPARUH SEMPIT [ɔ]**

Selain enam vokal di atas, terdapat juga fonem vokal belakang separuh sempit [ɔ] dalam dialek Kelantan. Vokal ini dihasilkan dengan belakang lidah diturunkan lebih rendah sedikit semasa menghasilkan vokal separuh sempit [o]. Lelangit lembut pula diangkat rapat ke belakang tekak dan menutup rongga hidung. Udara keluar melalui rongga mulut sambil menggetarkan pita suara. Semasa

melafazkan bunyi ini, bibir berada dalam keadaan bundar. Antara contoh kata yang mempunyai vokal ini ialah [əpə], [kəli], [skələh] dan [ɔyə] yang masing-masing membawa maksud ‘buah epal’, ‘kuali’, ‘sekolah’ dan juga ‘orang’. Malah fonem vokal ini mempunyai beban tugas yang lengkap dimana ia boleh berada diawal kata, ditengah kata, diakhir kata dan diantara konsonan. Berdasarkan data yang diberikan oleh Adi Yasran (2010), perkataan ‘belok’ telah berubah menjadi [bələk] dan fenomena perubahan fonem vokal [o] berubah menjadi fonem vokal [ɔ] ini dipanggil harmoni pengenduran oleh sesetengah ahli fonologi dimana jika diteliti, kebanyakan fonem asal [o] akan berubah menjadi fonem [ɔ] bagi sesetengah perkataan dalam dialek Kelantan.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, berdasarkan analisis data yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat tujuh sahaja fonem vokal dalam dialek Kelantan bagi subdialek Pasir Mas, iaitu yang terdiri daripada 6 fonem vokal dan 1 vokal terbitan. Antara fonem tersebut ialah [i, e, ə, a, o, u], manakala vokal terbitan pula ialah [ɔ]. Menurut Adi Yasran (2010), beliau mengatakan hanya ada tujuh sahaja fonem vokal yang wujud dalam dialek Kelantan, maka setelah kajian ini dibuat di kawasan Pasir Mas, pengkaji mendapati terdapat tujuh secara keseluruhannya fonem vokal termasuk satu fonem vokal terbitan, Namun begitu, pendapat Adi Yasran tentang bilangan fonem vokal dialek Kelantan dianggap berpada kerana hasil kajian ini juga adalah sama dengan pendapat beliau. Namun, sebahagian daripada data-data tersebut diambil berdasarkan pertimbangan fonetik semata-mata dan tidak menunjukkan pola sebenar fonologi dialek Kelantan.

## RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005). Inventori konsonan dialek Melayu Kelantan: Satu penilaian semula. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16(2).
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2010). Inventori vokal dialek Melayu Kelantan: Satu penilaian semula. *Jurnal Linguistik*, 11(1).
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2011). Suku kata dasar Dialek Kelantan berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2).
- Asmah Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar & Rosline Sandai. (2012). *Fonologi Bahasa Iban*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana muda). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia. doi:10.31229/osf.io/upt8j
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa melayu berorientasikan aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3).
- Ibrahim Mustapa & Ibrahim Daud. (1990). Analisis dialek daerah Kuala Pilah daripada aspek fonologi. *Jurnal Dewan Bahasa*.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Maneerat Chotikakamthorn. (1981). A comparative study of phonology in Satun Malay and Pattani Malay (Tesis sarjana). Mahidol University.
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306.



- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2017, August). *Semantik dan Makna Konotasi dalam Slanga Pelacur*. Paper presented at The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel). Retrieved from <https://doi.org/10.17605/OSF.IO/6ZMR7>
- Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Makna Denotatif dan Konotatif dalam Slanga Pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-43.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam Bahasa Iban: Satu Kajian Kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1), 27-40.
- Nurliayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz. (2016). Perbandingan inventori vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4 (2).
- Nik Safiah Karim. (1965). Loghat Melayu Kelantan. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim & Rozita Che Rodi. (2016). *Bahasa Melayu Kelantan: Menggali ilmu menyusur warisan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli, & Muhammad Zaid Daud. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2).
- Pei, Mario A & Gaynov, Frank. (1960). *A dictionary of Linguistics*. New Jersey. Adam & Co.
- Zulkifley Hamid, & Pareeda Hayeeteh. (2015). Melayu di sempadan: Penghilangan konsonan obstruent-homorganik dalam dialek Melayu Patani. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 11(3), 28 - 41.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Shariffulizan Malek. (2011). Fonologi rangkap vokal dan kepelbagaian Dialek Melayu: Analisis Teori Optimaliti. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3).
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal e-Bangi*, 1(1).

**Lampiran A**

SENARAI KATA: Kaedah Budaya Benda yang diubah suai berdasarkan senarai Swadesh

Bil.	Bahasa Melayu Standard	Dialek Kelantan (subdialek Pasir Mas)	
		R1	R2
1	Rambutan	mōʔtəj	mōʔtəj
2	Pisang	pisə	pisə
3	Durian	dyije	dyije
4	Nenas	nənāh	nənāh
5	Epal	epə	epə
6	Tembikai	timūŋ ʃinō	timūŋ ʃinō
7	Langsat	lasaʔ	lasaʔ
8	Limau	limā	limā
9	Kambing	kambə	kambə
10	Lembu	lembu	lembu
11	Kerbau	kuba	kuba
12	Ayam	ajə	ajə
13	Cicak	ʃiʃoʔ	ʃiʃoʔ
14	Ular	ula	ula
15	Kucing	kuʃiŋ	kuʃiŋ
16	Biri-biri	biyi	biyi
17	Harimau	yimā	yimā
18	Angsa	asə	asə
19	Tangan	taŋə	taŋə
20	Kaki	kaki	kaki
21	Jari	ɖayɪ	ɖayɪ
22	Muka	mūkə	mūkə
23	Hidung	iduŋ	iduŋ
24	Mulut	mūlək	mūlək
25	Mata	māto	māto
26	Telinga	tliŋə	tliŋə
27	Kepala	palə	palə
28	Betis	bətih	bətih
29	Periuk	pujuʔ	pujuʔ
30	Kuali	kəli	kəli
31	Sudip	sodeʔ	sodeʔ
32	Dapur gas	dapə gəh	dapə gəh
33	Pinggan	piŋə	piŋə
34	Gelas	gələh	gələh
35	Gula	gulo	gulo
36	Beras	bəyah	bəyah
37	Meja	məjə	məjə
38	Kerusi	kusi	kusi
39	Katil	katej	katej
40	Televisyen	tibi	tibi
41	Jendela	ŋələ	ŋələ
42	Langsir	lasər	lasər
43	Bantal	bata	bata
44	Selimut	slimūʔ	slimūʔ
45	Pagar	paga	paga
46	Kain	kaeŋ	kaeŋ
47	Almari	māyi	māyi
48	Baju	baɖzu	baɖzu
49	Seluar	slua	slua

50	Bakul	bakɔ	
51	Cermin	ʃərmĩŋ	bakɔ
52	Pokok	pəkək	ʃərmĩŋ
53	Parit	paɣiʔ	pəkək
54	Sawah	sawəh	paɣiʔ
55	Kedai	keda	sawəh
56	Bangunan	baŋũne	keda
57	Sekolah	skələh	baŋũne
58	Orang	ɔɣə	skələh
59	Motosikal	mũtɔ	ɔɣə
60	Kereta	kətɔ	mũtɔ
61	Rantai	ɣata	kətɔ
62	Gelang	gelej	ɣata
63	Cincin	ʃiʃiŋ	gelej
64	Gergaji	gadzɪ	ʃiʃiŋ
65	Pahat	pahaʔ	gadzɪ
66	Tukul	tukɔ	pahaʔ
67	Siku	siku	tukɔ
68	Paku	paku	siku
			paku

## Lampiran B

### Maklumat Responden

<b>Responden 1</b>	<b>Responden 2</b>
Lelaki	Wanita
Berasal dari Kg Slow Machang (dalam daerah Pasir Mas)	Berasal dari Kg Landar (dalam daerah Pasir Mas)
Berumur 53 tahun	Berumur 49 tahun
Taraf pendidikan- SPM	Taraf pendidikan- Sekolah Menengah
Penjawat Awam	Suri Rumah
Bermastautin di Pasir Mas	Bermastautin di Pasir Mas
Tidak pernah berpindah ke kawasan lain	Tidak pernah berpindah ke kawasan lain
Mempunyai pendengaran dan alat artikulasi yang baik	Mempunyai pendengaran dan alat artikulasi yang baik